

05/11/2003

960,000 kakitangan awam janji sokongan padu

PUTRAJAYA: Kira-kira 960,000 kakitangan awam menyatakan sokongan tidak berbelah dan akan terus memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Komitmen itu dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam pada sambutan Hari Kualiti Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2003 di Oditorium JPM di sini, semalam.

"Saya mengambil kesempatan ini bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam untuk menyatakan sokongan terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri baru kita," katanya dalam teks ucapannya yang dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Datuk Muhammad Mohd Noor.

Samsudin berkata, prestasi perkhidmatan awam berada pada tahap tinggi dengan melaksanakan pelbagai perubahan dan pembaharuan ketika di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau juga mengajak kakitangan awam memperbaharui azam dan tekad untuk berusaha lebih gigih bagi meningkatkan prestasi ke arah memberi perkhidmatan lebih cemerlang kepada rakyat.

Serentak itu, beliau meminta kakitangan awam supaya menghayati lima prinsip asas yang digariskan Abdullah pada Persidangan Kebangsaan Perkhidmatan Awam ke-8 Jun lalu, dalam menentukan keberkesanan dan keupayaan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Prinsip berkenaan ialah tidak bertolak ansur dengan prestasi rendah; sentiasa gigih, bijak dan pantas melaksanakan kerja; mengutamakan ketertiban dan kebersihan; mengutamakan pelanggan dan mematuhi etika awam.

"Saya yakin dan penuh percaya, jika semua jabatan dan agensi dapat melaksanakan prinsip asas itu, kualiti penyampaian perkhidmatan awam dapat ditingkatkan. Pada masa sama, prestasi dan kecemerlangan perkhidmatan awam akan terus meningkat," katanya.

Sementara itu, Samsudin mengarahkan semua agensi kerajaan mengkaji semula dan mengemas kini Piagam Pelanggan masing-masing, sejajar perubahan persekitaran dinamik seperti penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan automasi pejabat.

"Piagam Pelanggan satu elemen penting dalam mengukur prestasi penjawat awam kerana ia janji kita apabila menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan," katanya.

Beliau turut meminta agensi kerajaan mencontohi jabatan yang memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri kerana sentiasa berusaha menambah baik piagam.